

12 NOV 2002

Dewan-Johor (Industri)

SATU KAMPUNG SATU INDUSTRI DI TAHAP GANDA PENGELUARAN

JOHOR BAHRU, 12 Nov (Bernama) -- Program 'Satu Kampung Satu Industri' yang dijalankan di Johor sejak tahun 1992 kini memasuki tahap menggandakan pengeluaran dengan 21 pengusaha berpotensi dikenal pasti untuk tujuan itu, Dewan Undangan Negeri di beritahu hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri, Usahawan, Industri Kecil dan Sederhana dan Sains dan Teknologi Negeri, Md Salikon Sarpin berkata semua 21 pengusaha dalam beberapa bidang pemprosesan makanan, kraftangan dan ubatan herba itu mencapai pengeluaran melebihi RM100,000 setahun.

"Projek-projek kecil yang dijalankan oleh individu atau secara berkumpulan itu akan dibantu melalui jabatan dan agensi kerajaan dengan peruntukan RM2 juta," katanya ketika menjawab soalan Ali Shikh Ahmad (BN-Parit Raja).

Beliau berkata di tahap menggandakan pengeluaran itu, selain meningkatkan pengeluaran pengusaha yang berjaya juga dibantu meningkatkan mutu pembungkusan dan meluaskan peluang pemasaran bagi produk keluaran mereka.

Menurutnya, kerajaan juga telah membina kawasan kilang yang teratur bagi mukim-mukim yang berjaya seperti di mukim Parit Raja dan Parit Bakar untuk industri makanan dan perabot.

Mengenai program yang menggunakan nama serupa yang memerlukan penglibatan antara 10 hingga 100 orang penduduk, yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan bajet 2003, beliau berkata Johor akan mencari jalan melaksanakannya di negeri ini.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Negeri, Othman Jais berkata nilai eksport buahan dari negeri Johor bagi tahun lepas ialah sebanyak RM347 juta dan sayuran pula sebanyak RM107.27 juta, yang tidak menjejaskan keperluan domestik.

Ketika menjawab soalan Datuk Yap Chik Dong (BN-Tangkak), beliau berkata keperluan per kapita sayuran bagi negara ialah 56.9 kilogram manakala bagi buahan ialah 56.2 kilogram.

"Keluasan kawasan bertanam buahan di Johor ialah 75,271 hektar dengan pengeluaran 490,000 tan metrik setahun manakala kawasan bertanam sayuran ialah 16,000 hektar dengan pengeluaran sebanyak 302,400 tan metrik setahun," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Guna Tenaga, Belia, Sukan dan Kebudayaan Negeri Ahmad Zahri Jamil berkata seramai 3,300 guru di Johor telah selesai mengikuti kursus mengajar sains dan matematik dalam Bahasa Inggeris dari 7 Okt hingga 5 Nov lepas.

"Kursus itu intensif dan berfokus kepada pendedahan Bahasa Inggeris untuk mengajar kedua-dua subjek itu," katanya ketika menjawab soalan Malik Ibrahim (BN-Pulai Sebatang).

Beliau berkata mulai 15 Nov, peralatan bantuan mengajar akan dibekalkan ke sekolah-sekolah termasuklah komputer bimbit yang berjumlah 4,520 buah untuk sekolah rendah dan 2,675 buah untuk sekolah menengah, selain projektor LCD dan bahan mengajar, buku dan modul.

Katanya, pegawai khas Bahasa Inggeris serta pegawai khas sains dan matematik juga telah dilantik di setiap daerah untuk menyelaras pengajarannya dan pasukan pemantau juga akan dibentuk untuk memastikan kelancarannya.

-- BERNAMA

MNY NMO